

## BAB II

### TINJAUAN KAJIAN LAMPAU

#### 2.0 Pengenalan

Sektor pendidikan di mana-mana negara biasanya diberi keutamaan. Demikian juga di negara kita. Contohnya dalam Rancangan Malaysia ke tujuh. Peruntukan untuk pendidikan didapati terus bertambah pada setiap tahun. Bidang pendidikan juga merupakan satu bidang yang amat penting dalam pembangunan negara. Menurut Mukerji, (1970 : 218),

*"The rate of growth in the education budgets makes the financing of education one of the most important, complex and intricate problems facing out policy makers".  
(S.N.Mukerji, 1970 : 218)*

Pendidikan juga merupakan suatu keperluan manusia yang perlu dipenuhi. Ia bukan sahaja penting bagi pembangunan negara, malah juga bagi kemajuan seseorang individu. Pendidikan merupakan satu bidang pelaburan yang memberikan pulangan yang sangat tinggi, jauh melebih kos yang terlibat. Menurut S.N.Mukerji, (1970, : 222), penglibatan kerajaan dari segi kewangan, ialah dengan menubuhkan sekolah dan kolej-kolej yang ditaja oleh kerajaan sendiri.

Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan bagi pendidikan dan latihan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh adalah seperti jadual di bawah. (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1991-2000 : 359). Peruntukan bagi pendidikan dan latihan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 7 ialah RM10.1 bilion atau

15.4% daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor awam berbanding dengan 13% dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Daripada jumlah tersebut, peruntukan untuk sekolah-sekolah rendah ialah 1,396.0 billion berbanding 1,184.7 billion dalam Rancangan Malaysia Keenam. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM211.3 Juta.

### **Jadual 2.0**

#### **PERUNTUKAN PEMBANGUNAN UNTUK PENDIDIKAN DAN LATIHAN, 1991-2000 (RM JUTA)**

<b>Program</b>	<b>RM6</b>		<b>RM7</b>
	<b>Peruntukan</b>	<b>Perbelanjaan</b>	<b>Peruntukan</b>
<b>Pendidikan</b>	<b>7,409.8</b>	<b>6,982.1</b>	<b>8,437.2</b>
Pra – sekolah	61.8	58.0	107.4
<b>Pendidikan Rendah</b>	<b>1,184.7</b>	<b>1,127.1</b>	<b>1,396.0</b>
<b>Pendidikan Menengah</b>	<b>2,050.7</b>	<b>1,909.0</b>	<b>2,447.9</b>
Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan.	1,603.0	1,475.4	1,781.9
Maktab Rendah Sains MARA	28.7	28.7	367.0
Sekolah Teknik dan Vokasional	419.0	404.9	299.0
<b>Pendidikan Tinggi</b>	<b>3,139.3</b>	<b>3,039.4</b>	<b>2,961.8</b>
<b>Pendidikan Guru</b>	<b>180.1</b>	<b>155.6</b>	<b>458.8</b>
Lain-lain Program Sokongan pendidikan	793.2	693.0	1,065.3
<b>Latihan</b>	<b>615.4</b>	<b>581.0</b>	<b>1,661.6</b>
Latihan Industri	387.4	370.0	1,303.3
Latihan Perniagaan	14.0	14.0	66.3
Latihan Pengurusan	214.0	197.0	292.0
<b>Jumlah</b>	<b>8,025.2</b>	<b>7,563.1</b>	<b>10,098.8</b>

**Sumber :Rancangan Malaysia Ketujuh**

H.M. Levin dalam (Martin Carnoy, 1995 :412) memberikan definisi kepada sumber kewangan sekolah seperti berikut.

*“.....School revenues refer to the financial receipts of schools for supporting their operations”*

*.....School expenditures refer to the financial disbursements of schools for the purchase of various resources or inputs....”*

*Costs represent the value of all resources used in school budgets and expenditures or not”.*

*[H.M Levin (Martin Carnoy, 1995 :412)]*

Jadi sumber kewangan sekolah ialah segala pendapatan yang diperolehi oleh sekolah melalui peruntukan kerajaan dan juga dari aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan di sekolah. Sementara, perbelanjaan sekolah pula dirujuk kepada penggunaan wang peruntukan untuk membeli input pendidikan seperti pengurusan sekolah, peralatan, dan kemudahan. Sementara kos pula ditakrifkan sebagai nilai yang diperolehi oleh sekolah selepas menggunakan sumber untuk keperluan pendidikan.

Adalah perlu bagi kita untuk memahami asal-usul kewujudan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina di Malaysia sebelum aspek mengenai kewangan sekolah-sekolah ini dibincangkan.

Sekolah Tamil telah bermula dengan kehadiran imigran-imigran dari India sebagai buruh di ladang-ladang getah dan tebu di Semenanjung Malaysia. Kebanyakkan buruh yang datang ini adalah dari bahagian selatan negara India iaitu buruh-buruh berketurunan Tamil. Pada awalnya perkembangannya, sekolah-sekolah Tamil ditubuhkan di ladang-ladang. Keadaan sekolah-sekolah Tamil ini telah diuraikan sebagai berikut dalam Laporan Pentadbiran Negeri Perak 1916.

*“The new estates schools are not satisfactory. The inspector of Schools repeats the complaints that the estate managers display very little interest in their organization or equipment”*

*(John Doraisamy, 1999 : 40)*

Adalah dipercayai bahawa para pekerja estet atau ladang-ladang ini sendiri tidak mempunyai keyakinan terhadap pendidikan. Sekolah-sekolah Tamil ini mendapat sumber kewangannya dari pihak pentadbiran ladang yang sememangnya kurang menunjukkan minat terhadap pendidikan sekolah Tamil. Mengikut Ordinan Buruh 1923,

*"The Controller may at any time by order in writing require any employer on a place of employment where ten or more children of any one race between the ages of seven and fourteen years, being dependents of labourers, reside, to construct within a reasonable time to be stated in such order and therefore to maintain at his own expense a school for such children with such schoolteacher or schoolteachers as shall seem sufficient to the Controller, but not in excess to such a reasonable manner".*

(John Doraisamy, 1999 : 41)

Bagi sekolah Tamil, di mana tanggungjawab pendidikan telah diletakkan ke atas bahu pihak pengurusan ladang yang kurang menunjukkan minat. Sebaliknya pada masa yang sama, orang-orang Cina telah membina sendiri sekolah-sekolah Cina dengan pentadbiran mereka sendiri. Sekolah-sekolah Cina dibangunkan dengan pesat dengan sumber kewangan dari masyarakat Cina sendiri.

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu, sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil telah diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan pusat. Sekolah-sekolah ini mendapat bantuan dari pihak kerajaan. Sekali lagi, perbezaan yang ketara di antara SRJK( C ) dan SRJK (T) wujud di mana sekolah Cina dapat dibangunkan dengan pesat dengan sumber kewangan, bukan sahaja dari pihak kerajaan ( Kementerian Pendidikan Malaysia ) malahan terus mendapat sokongan dari masyarakat Cina sendiri. Manakala sekolah Tamil terus mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata dan kurang dihiraukan oleh masyarakat berketurunan Tamil sendiri.

## 2.1 Pengetua/Gurubesar dan Pentadbiran Kewangan Sekolah.

Pengetua/gurubesar merupakan orang yang akan membuat keputusan mengenai cara untuk membelanjakan sumber-sumber kewangan yang terhad ini. Sejauh manakah kebebasan yang diberi untuk membuat keputusan ini bergantung kepada banyak manakah sumber-sumber kewangan yang ada, serta perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pengurusan kewangan yang baik dan teratur dan berkesan bergantung kepada kebijaksanaan pengetua untuk merancang lebih awal sebelum perbelanjaan dilakukan. Melalui perancangan yang teliti, maka pengetua akan dapat menentukan supaya bantuan yang diberikan oleh kerajaan akan digunakan dengan sebaik-baiknya. Kebanyakan pengetua/gurubesar masih mempunyai satu masalah yang sama. Iaitu bagaimanakah untuk membelanjakan wang peruntukan dengan sebaik yang mungkin. Menurut (Keith Tronc, 1977 : 53), pulangan dari pelaburan pendidikan adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mudah. Para pengetua/gurubesar, harus menjadi pengurus yang baik dalam membelanjakan wang peruntukan yang bukan sahaja datang dari sumber kerajaan, malahan juga dari sumber-sumber lain seperti PIBG.


Sekolah harus dianggapkan sebagai satu organisasi yang membeli sumber-sumber, dan menukarkan sumber-sumber ini kepada bentuk yang dikehendaki oleh pelanggannya.

*“The educational firm decides which outputs to produce, which resources to use, and which methods to employ in performing its various operations”..*

*(Keith Tronc, 1977 : 55)*

Institusi pendidikan akan membuat keputusan tentang apakah hasil yang hendak dikeluarkan, apakah sumber yang hendak digunakan dan apakah kaedah yang boleh digunakan untuk mengendalikan pelbagai proses yang berlaku di sekolah.

Dalam memahami analogi ini, sekolah sebagai satu organisasi harus memahami dua konsep. Pertama ialah peruntukan dan yang keduanya ialah kecekapan teknikal dan cara-cara untuk mencapai kecekapan tadi. (Keith Tronc, 1977 : 55) telah menerangkan proses ini melalui gambarajah di bawah.



**RAJAH 1 : Transformasi wang kepada output pendidikan.**

( Keith Tronc, 1977 : 55)

Untuk memahami perhubungan antara perbelanjaan pendidikan dan kecekapan pendidikan, kita harus melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang mengambil sumber-sumber luar (input) dan menukarkan sumber ini melalui proses pendidikan menjadi suatu bentuk (output) sebagaimana yang dikehendaki oleh penggunanya. Sekolah akan menentukan apakah bentuk produk (output) yang hendak dikeluarkannya, apakah sumber yang hendak digunakan, dan apakah kaedah yang hendak digunakan dalam melaksanakan operasinya. Menurut Keith Tronc,

*"In light of the very large and increasing dollar amounts which education systems are receiving from appropriations of government budgets and from fund-raising activities of parent organizations, the most 'effective' possible expenditure of these financial resources has become a highly desirable goal".*

*(Keith Tronc, 1977 : 55)*

Dalam analogi ini seterusnya, sekolah sebagai sebuah organisasi harus memahami dua konsep. Pertama ialah "Peruntukan" dan kedua ialah "Kecekapan Teknikal" dan apakah syarat yang diperlukan untuk mencapai kedua perkara di atas. Perjalanan proses diterangkan dengan jelas melalui Rajah 1 di atas. Wang yang telah diperolehi melalui peruntukan kerajaan dan sumber lain ini digunakan untuk membeli keperluan sekolah dengan pelbagai harga di pasaran luar. Ini termasuklah keperluan pembelajaran, peralatan, dan pelbagai kos pengurusan yang lain. Pengetua/Gurubesar sebagai pembuat keputusan akan memproses sumber-sumber yang diperolehnya melalui proses pendidikan untuk mencapai hasil yang diinginkan. Hasil ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk seperti perubahan dari perlakuan pelajar, pencapaian, dan lain-lain.

'Kecekapan Peruntukan' (allocative efficiency), ialah menggunakan sumber wang yang terhad untuk mencapai output pendidikan yang sebaik-baiknya. . Ini diterangkan oleh Keith Tronc seperti berikut.

*"...allocative efficiency, where the aim is to allocate the limited dollar budget amongst various possible inputs in order to obtain the greatest possible output".*

*(Keith Tronc, 1977 : 56)*

Oleh kerana pihak sekolah menerima dan membelanjakan wang awam, maka adalah menjadi tanggungjawab pengetua/gurubesar untuk memastikan wang tersebut dibelanjakan dengan sebaik-baiknya dan semua rekod kewangan disimpan dengan tepat dan lengkap. Ini dijelaskan oleh Burrup et al seperti berikut.

*"The business of school administration is to receive, spend, and account for taxpayers' dollars for education benefits at minimum cost. Clearly, financial management of the schools is a means to an end, but that does not minimize its importance".*

*(Burrup et al, 1996 : 313)*

Pengurusan kewangan bukanlah bermaksud bahawa kos harus diminimakan, tetapi sebaliknya adalah sejauh mana perbelanjaan dibuat dengan mencapai hasil yang terbaik. Pengetua/gurubesar akan memainkan peranan sebagai pengurus perniagaan, pegawai pembeli, dan mungkin juga sebagai seorang akauntan. S.N.Mukerji, (1970), telah menjelaskan tanggungjawab pengetua/gurubesar dalam menguruskan kewangan sekolah seperti berikut.

*"The educational administrator has no way of escaping the questions: To what extent do the methods of raising, allocating and controlling funds affect the efficiency of education? And to what extent can educators make better use of the resources that are available to them?"*

*(S.N.Mukerji, 1970 : 218)*

Oleh kerana tugas menguruskan kewangan sekolah adalah amat penting, maka pengetua/gurubesar tidak akan dapat menjalankannya seorang diri. Tugas ini harus diagihkan kepada kakitangan lain di sekolah. Di sekolah-sekolah di Malaysia, tugas ini diagihkan antara ahli dalam Jawatankuasa Kewangan Sekolah. Jawatan kuasa ini dianggotai oleh pengetua/gurubesar sebagai pengerusi, GPK 1 sebagai naib pengerusi, dan pegawai kerani sebagai setiausaha. Pengetua/Gurubesar dan pegawai pembantu yang lain harus peka dan faham mengenai sistem kewangan sekolah dengan baik.

*"The principal needs this understanding because he has to give clear decisions and instructions to his office staff when variations occur, when alternatives present themselves, or when problems arise".*

*(Keith Tronc, 1977 : 33)*

Langkah pertama bagi pengurusan kewangan yang berkesan ialah penyediaan anggaran pendapatan dan perbelanjaan. Peruntukan yang diperolehi oleh sekolah harus dibelanjakan mengikut tujuan yang betul. Pengetua/gurubesar juga mempunyai tanggungjawab untuk menggunakan wang peruntukan kerajaan bagi menghasilkan kualiti pendidikan yang tinggi. Di samping itu pengetua harus menyimpan segala

rekod kewangan dengan cara yang baik. Penyimpanan rekod yang baik akan melindungi diri dari sebarang keraguan yang tidak diingini. Menurut Burrup et al,

*"There is little to question or to criticize when there are accurate and verified financial records of a school's operations. On the hand, shoddy or inadequate records can serve to impugn the actions of those in charge, even where there has been no dishonest intent".*

*(Burrup et al, 1996, : 311)*

Untuk membolehkan seseorang pengetua/gurubesar menjalankan pengurusan kewangan sekolahnya dengan cekap, maka pengetahuan yang baik dalam bidang perakaunan amat diperlukan. Pengetahuan ini boleh diperolehi melalui pengalaman dan kursus-kursus yang dihadiri dalam bidang kewangan. Menurut Zaidatol Akmaliah, (1991 : 43), pengetua /gurubesar adalah bertanggungjawab penuh untuk merancang, mengurus, mengawal serta menentukan pengurusan kewangan di sekolah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Daripada kajian Shahril Marzuki (1993) pula didapati pentadbiran kewangan sekolah secara sistematik adalah terletak di bahu pengetua.

Menurut Burrup et al, (1996), semua pengetua harus mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam bidang perakaunan. Pengetahuan dalam bidang perakaunan ini amat penting bagi seseorang pengetua/gurubesar, atas beberapa sebab. Antaranya ialah, untuk melindungi wang awam dari kemungkinan hilang akibat dari kecuaian, perbelanjaan untuk tujuan yang salah, kecurian, atau pun dari tindakan tidak bertanggungjawab dari mana-mana pegawai di sekolah.

Pengetahuan perakaunan yang baik juga penting untuk melihat pencapaian objektif-objektif pendidikan, melalui budget dan laporan-laporan yang berkaitan. Sistem perakaunan yang baik juga diperlukan untuk memenuhi keperluan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tugas pengetua dalam pentadbiran kewangan sekolah ialah seperti berikut.

(Kamarudin Kachar (1989 : 32)

- a) menyediakan tuntutan grant perkapita murid.
- b) Menyediakan anggaran belanjawan bagi item-item yang diperlukan, terutamanya di awal permulaan sistem persekolahan.
- c) Membuat sebut harga terhadap pembelian barang yang melebihi had RM2000.00.
- d) Membuat surat kepada ibu bapa bagi memastikan pelajar yang tidak membayar yuran akan menjelaskan yuran mereka.
- e) Menyediakan akaun kewangan sekolah iaitu pendapatan dan perbelanjaan sekolah.

Persatuan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Cawangan Negeri Selangor pula menggariskan perkara-perkara berikut dalam aspek kewangan.

- a) menentukan anggaran perbelanjaan tahunan.
- b) Mengawal dan menyemak pemberian perkapita, gaji guru dan staf sokongan, rekod akaun, laporan penyata kewangan dan punca-punca kewangan SUWA dan KERAJAAN.
- c) Memastikan penyediaan penyata akaun sekolah yang belum diaudit dan dokumen-dokumen sokongan serta membuat tindakan susulan ke atasnya.
- d) Mengawal stok dan harta benda sekolah.
- e) Mengawal perbelanjaan yang diperlukan oleh setiap bahagian.

Sementara itu Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1993 : 128) juga telah menyenaraikan tanggungjawab kewangan pentadbir seperti berikut.

- a) memastikan tuntutan peruntukan dibuat dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- b) Menentukan wang peruntukan kepada sekolah digunakan dengan baik dan berfaedah kepada pelajar dan sekolah.
- c) Memastikan bahawa sekolah mempunyai satu sistem pengurusan kewangan yang betul dan teratur.
- d) Mewujudkan jawatan kuasa kewangan sekolah.
- e) Menyediakan penyata akaun sekolah dan menyerahkannya kepada cawangan audit di Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan selewat-lewatnya 31 Mac setiap tahun.
- f) Memahami dan menghayati dengan sepenuhnya semua Arahān Perbendaharaan Pekeliling Kewangan Kementerian serta Peraturan Kewangan Sekolah. Melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kepakaran yang terbaru dalam pengurusan kewangan secara am dan khususnya pengurusan kewangan sekolah.

Selain dari fungsi-fungsi di atas, pengetua juga memainkan peranan penting dalam menentukan kutipan yuran dengan sebaik yang mungkin.

### **2.3 Organisasi Kewangan Sekolah.**

Orang yang paling penting dalam tugas menguruskan kewangan sesebuah sekolah ialah pengetua/gurubesar. Sungguhpun demikian, gurubesar tidak boleh melaksanakan tugas-tugas ini seorang diri. Beliau harus dibantu oleh beberapa orang pegawai lain. Persatuan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia, Cawangan

Selangor,(1996) telah mencadangkan susunan jawatankuasa kewangan sekolah seperti berikut.

Pengerusi	:	Pengetua
Naib Pengerusi	:	Penolong Kanan
Setiausaha	:	Pegawai Kerani
Ahli	:	Penolong Kanan HEM Penyelia Petang Guru-guru Kanan Mata Pelajaran Guru Audit Sekolah

Antara tugas-tugas utama yang senaraikan ialah seperti berikut.

- a) Membaca dan memahami pekeliling/surat pekeliling yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah yang diedarkan dari masa ke semasa.
- b) Mengeluarkan surat kuasa memungut yuran kepada Penolong Kanan, Penyelia Petang, Penyelaras Tingkatan, Guru Tingkatan dan Kerani.
- c) Memesan dan mendaftar buku resit untuk tujuan pungutan.
- d) Mengagihkan buku resit kepada guru tingkatan dan penyelaras tingkatan.
- e) Memastikan semua terimaan telah dimasukkan ke dalam bank.
- f) Memastikan semua pembelian/pembayaran dibuat ikut peraturan kewangan (pesanan tempatan, invois, bil, baucer dan cek).
- g) Menyediakan Buku Tunai Kerajaan/SUWA/Panjar Wang Runcit.
- h) Menyemak dan menandatangani penyata kewangan dalam Buku Tunai Kerajaan/SUWA/Panjar Wang Runcit.

(Persatuan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia  
Cawangan Selangor, 1995 : 18 )

Menurut Nancy J. Crocker Horstman,

*"Individual schools are administered by head teachers, persons with considerable power. It is they, in consultation with the teachers and authority advisors who determine the actual curriculum of the schools".*

*(Nancy J. Crocker Horstman, 1992 : 260)*

Jawatankuasa kewangan seperti di atas perlu di wujud, supaya tidak berlaku ketidakselarasan arahan dan mengelakkan sebarang konflik dan keraguan. Selain itu dengan adanya jawatankuasa seperti di atas, sistem kewangan sekolah akan berjalan lancar. Sebagai contohnya, jika seseorang pengetua/gurubesar itu berpindah ke tempat lain, maka tugas dan tanggungjawab ini dapat dijalankan secara berterusan oleh ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Selain daripada itu kerani bahagian kewangan juga memainkan peranan penting dalam pengurusan kewangan sekolah. Kerani kewangan ini bertanggungjawab dalam menyediakan tuntutan gaji, biasiswa, tuntutan elaun lebih masa pekerja, tuntutan bantuan perkapita dan pembayaran bil-bil. Tugas lain ialah pembantu tadbir juga perlu mengemaskinikan buku Tunai yang meliputi Akaun Kerajaan, Akuan SUWA dan Akaun Asrama, urusan seperti kira-kira yuran khas pelajar dan menyimpan slip bank, cek-cek dan membuat pesanan barang-barang keperluan pejabat.

Sungguhpun demikian, seseorang pengetua/gurubesar tidak harus menyerahkan tugas-tugas pengurusan kewangan kepada kerani kewangan sahaja.

## 2.4 Sumber Kewangan Sekolah.

Pendidikan merupakan satu khidmat yang diberikan kepada masyarakat. Ianya harus dinikmati oleh semua warganegara yang layak dan mencapai usia tertentu. Mengikut Burrup et al, (1996),

*“ it is necessary for education to be financed by government with its capability of collecting resources from the private sector and distributing them equitably among institutions in the public sector”.*

*(Burrup et al, 1996 : 122)*

Jadi salah satu sumber utama kewangan bagi sekolah ialah melalui peruntukan dari kerajaan. Selain dari itu sekolah juga mendapat sumbangan orang ramai atau pun dari PIBG.

### 2.4.1 Kumpulan Wang Kerajaan

Menurut Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1994 : 3), pemberian bantuan pelajaran merupakan sejumlah wang daripada peruntukan belanja mengurus Kementerian Pendidikan yang telah diperuntukkan kepada pihak sekolah untuk membayai perbelanjaan pengurusan sekolah. Perkara yang sama telah ditegaskan melalui Pekeliling Kementerian Pendidikan Bil. 1573/17/JID.10 (39) bertarikh 11 Januari 1995. Pemberian ini dibuat bertujuan untuk memastikan aktiviti pendidikan yang terdapat di sekolah-sekolah mencapai tujuan dan seterusnya dapat memenuhi matlamat Kementerian Pendidikan. Terdapat dua komponen bantuan per kapita yang diberikan Pertama ialah bantuan per kapita bagi mata pelajaran dan keduanya ialah bantuan

perkapita bukan mata pelajaran. Bantuan matapelajaran diberikan sebanyak dua kali setahun (iaitu 1/2 bagi setiap tuntutan).

Mengikut (Arahan Surat Pekeliling Kewangan Bil 12 Tahun 1998, 6)setiap sekolah dibenarkan untuk membuat tuntutan penyelarasan bagi Bantuan Per Kapita. Penyelarasan dibenarkan sekiranya bilangan pelajar melebihi 20% secara keseluruhannya untuk satu sekolah dan juga sekiranya bilangan pelajar melebihi 20% untuk satu atau lebih jenis bantuan .

#### **2.4.2 Bantuan mata pelajaran**

Bantuan mata pelajaran diberikan mengikut mata pelajaran tertentu. Ianya adalah seperti bantuan untuk matapelajaran Sains dan Matematik, Sains Sosial dan Bahasa, Pendidikan Jasmani, Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni dan mata pelajaran Elektif. Bantuan mata pelajaran ini diberikan bagi tujuan membeli peralatan supaya penyampaian mata pelajaran menjadi lebih berkesan. Namun begitu, bantuan setiap mata pelajaran ini adalah terhad dan kadang-kadang tidak mencukupi, oleh itu pengetua perlu membeli peralatan yang penting sahaja.

#### **2.4.3 Bantuan Bukan Mata Pelajaran**

Bantuan bukan mata pelajaran adalah seperti bantuan Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) atau Lain Perbelanjaan Khas (LPK),Perpustakaan, Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dan Pusat Sumber Pendidikan. (Shahril Marzuki, 1999: 4) Bantuan LPBT/LPK merupakan bantuan yang diberi oleh kerajaan bagi membiayai perbelanjaan pengurusan sekolah. Bantuan LPBT/LPK hendaklah dihadkan kepada

perbelanjaan-perbelanjaan berikut:(Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan,1994:

- 5)
- a) Pengangkutan murid
  - b) Pengangkutan barang-barang.
  - c) Perhubungan (telefon, telegram dan setem)
  - d) Api, air dan bahan-bahan.
  - e) Sewa (bangunan, kenderaan atau peralatan)
  - f) Perkhidmatan percetakan
  - g) Bekalan dan bahan-bahan (minyak untuk kenderaan jentera, pakaian seragam dan ubat-ubatan)
  - h) Perkhidmatan pelbagai (penyenggaraan dan membaiki bangunan, perkhidmatan iklan, pembayaran insurans, penyenggaraan kenderaan dan alat-alat sekolah seperti mesin taip, mesin pendua, mesin pemotong rumput)
  - i) Perabot dan alat-alat (perabot dan alat-alat untuk sekolah dan pejabat, alat-alat mengajak yang tidak dibiayai daripada bantuan mata-mata pelajaran, buku-buku teks untuk kegunaan guru-guru, peralatan untuk bilik sakit, peralatan senaman, sukan dan olahraga.
  - j) Perbelanjaan lain yang diluluskan oleh Pengarah Pendidikan Negeri bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah, Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah bagi sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah khas serta Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi sekolah-sekolah menengah dan vokasional).

Pengetua/gurubesar hendaklah memastikan bahawa pemberian bantuan ini digunakan dengan sebaik mungkin dan hanya digunakan bagi tujuan itu sahaja. Penggunaan bantuan selain untuk tujuan yang telah ditetapkan perlulah mendapat kelulusan daripada Ketua Pusat Tanggung Jawab(PTJ) masing-masing.

#### **2.4.4 Kumpulan Wang Suwa**

Wang SUWA sekolah merupakan wang awam yang diterima oleh pihak sekolah selain pemberian bantuan daripada pihak kerajaan dan yang berkenaan dengan kumpulan wang asrama. (Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan, 1994 : 27) Antara punca-punca kewangan yang boleh diambil kira sebagai wang SUWA termasuklah:

- a) Yuran khas daripada murid-murid.
- b) Derma daripada orang ramai.
- c) Sewaan harta sekolah.
- d) Jualan daripada kedai buku sekolah.
- e) Yuran peperiksaan dalaman.
- f) Pelbagai hasil jualan daripada projek-projek sekolah.

Kegunaan wang SUWA adalah seperti berikut. Pertama ialah wang yang dikutip dengan tujuan khas. Tujuan khas ini adalah seperti untuk sukan dan permainan maka wang yang dikutip hendaklah digunakan untuk tujuan itu sahaja. Begitu juga jika wang dikutip untuk membesarlu pusat sumber atau pun membeli buku untuk pusat sumber sekolah, maka wang itu hanya boleh digunakan bagi tujuan tersebut sahaja.

Kedua ialah wang yang dikutip dari sewa kantin dan derma am merupakan kutipan yang tidak dikhaskan untuk sesuatu tujuan. Wang yang diterima daripada punca ini boleh digunakan oleh pihak sekolah untuk perbelanjaan lain yang dapat memberi manfaat secara langsung kepada murid-murid seperti:

- a) Perbelanjaan membawa murid-murid-murid untuk menghadiri aktiviti-aktiviti yang diluluskan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ)
- b) Perbelanjaan kerana membawa murid-murid untuk mendapatkan rawatan kecemasan.

Kegunaan lain bagi wang SUWA ialah untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain dengan syarat mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pusat Tanggungjawab iaitu Jabatan Pendidikan Negeri. Walaubagai manapun, perbelanjaan ini mestilah dapat memberi manfaat secara langsung kepada murid-murid.

#### **2.4.5 Panjar Wang Runcit**

Panjar wang runcit sekolah merupakan sejumlah wang yang pada permulaanya dikeluarkan daripada kumpulan wang SUWA daripada butiran yang tidak dikhaskan untuk sesuatu tujuan iaitu daripada sewaan kantin atau kedai buku. Bagi sekolah-sekolah yang tidak menyelenggarakan kumpulan wang SUWA maka wang pendahuluan panjar wang runcit bolehlah dikeluarkan daripada kumpulan wang kerajaan butiran LPBT/LPK. Panjar wang runcit hanya boleh digunakan untuk pembelian-pembelian runcit yang kurang daripada RM50 secara tunai. Panjar wang runcit boleh dibelanjakan untuk semua jenis kumpulan wang yang diselenggarakan oleh sekolah.(Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan, 1994 : 84)

## **2.5 Kesimpulan**

Pengurusan kewangan merupakan satu aspek yang penting di semua sekolah. Kepimpinan dan pengurusan pengetua/gurubesar yang berkesan dan efisyen adalah penting untuk memastikan sistem pengurusan kewangan sekolah berjalan lancar. Disamping pengetua, sekolah juga memerlukan seorang kerani kewangan yang cekap. Kegagalan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan akan mengakibatkan pengetua/gurubesar dikenakan tindakan dan seterusnya boleh menjelaskan pengurusan kewangan sekolah.